

Hubungan kepimpinan pengajaran pengetua dengan pencapaian akademik pelajar

ABSTRAK

Pencapaian akademik pelajar merupakan sumber utama dalam mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan sekolah, pentadbir dan guru (Stronge et al., 2008). Tambahan pula dalam menuju Wawasan 2020, kecemerlangan pencapaian pelajar adalah sangat penting dalam menyediakan lebih ramai tenaga kerja yang kompetitif (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Justeru, matlamat meningkatkan pencapaian akademik pelajar harus menjadi objektif utama bagi pemimpin pengajaran di sekolah (Silva, White & Yoshida, 2011). Memandangkan pencapaian akademik pelajar adalah ukuran hasil pendidikan (Stronge et al., 2011). Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat amalan kepimpinan pengajaran pengetua dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, kajian ini turut mengkaji tahap amalan kepimpinan pengajaran pengetua berdasarkan kepada tiga dimensi seperti yang dicadangkan dalam Model Kepimpinan Pengajaran Hallinger dan Murphy (1985) iaitu mendefinisikan misi sekolah, mengurus program pengajaran dan mewujudkan iklim sekolah yang positif. Data diperolehi melalui soal selidik Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) Teacher Short Form (2013) yang melibatkan seramai 387 orang guru di sekolah menengah harian di negeri Johor. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi menerusi perisian SPSS IBM Version 20.0. Secara keseluruhannya dapatan kajian mendedahkan bahawa pengetua telah melaksanakan semua amalan kepimpinan pengajaran pengetua pada tahap yang tinggi ($\text{min} = 4.21$ dan $\text{sp} = 0.58$). Selain itu, dalam mengkaji hubungan kepimpinan pengajaran pengetua dengan pencapaian akademik pelajar menunjukkan hubungan positif signifikan pada tahap lemah dengan nilai $r = 0.245$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p>0.5$). Walaupun hasil dapatan tidak menunjukkan hubungan yang kuat antara amalan kepimpinan pengajaran pengetua dengan pencapaian akademik pelajar, namun amalan kepimpinan pengajaran harus diberi perhatian serius kerana para sarjana telah mengesahkan kepentingan kepimpinan pengajaran dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar di sekolah (Hallinger, 2005 & 2011; Robinson et al., 2008).

Katakunci: Kepimpinan pengajaran; Pencapaian akademik pelajar; Kualiti pendidikan